- i) the Audit Committee does not have a majority of independent directors following the resignation of an independent non-executive member during the year. The Board is taking action to rectify this situation, and
- ii) details of the directors' remuneration are set out in Note 5 to the financial statements by applicable bands of RM50,000, which complies with the disclosure requirements under the Kuala Lumpur Stock Exchange's Listing Requirements. The Board is of the view that the transparency and accountability aspects of corporate governance as applicable to director's remuneration are appropriately served by the band disclosure made.

### The Board of Directors

Besides its statutory duties, the Board is responsible for corporate governance, including setting the Group's overall strategic direction, overseeing the conduct of the Company's business, identifying principal risks, ensuring that systems are in place to manage these risks, reviewing the adequacy of the Company's system of internal controls, succession planning and developing an investor relations programme.

### Kod Urustadbir Korporat

Lembaga Pengarah Cahya Mata Sarawak Berhad amat komited dalam memastikan tahap urustadbir korporat yang tertinggi diamalkan dalam seluruh Kumpulan sebagai salah satu aspek utama dalam melaksanakan tanggungjawabnya demi melindungi dan mempertingkatkan nilai pemegang saham dan prestasi kewangan Kumpulan.

Bagi mencapai matlamat ini, Lembaga Pengarah telah menerima pakai Kod Urustadbir Malaysia ("Kod") dan dengan sukacitanya dinyatakan di bawah bagaimana ia melaksanakan Kod berkenaan serta prinsip-prinsip dan amalan terbaiknya yang kesemuanya telah digunakan dengan meluas sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2002, kecuali:

- i) Jawatankuasa Audit tidak mempunyai bilangan pengarah bebas majoriti berikut peletakan jawatan seorang ahli bukan eksekutif bebas pada tahun berkenaan. Lembaga Pengarah sedang mengambil tindakan sewajarnya bagi membetulkan situasi ini.
- ii) Butir-butir mengenai imbuhan pengarah diberikan dalam Nota 5 kepada penyata kewangan dalam lingkungan RM50,000, yang mematuhi segala keperluan penzahiran di bawah Peraturan-peraturan Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa aspek ketelusan dan kebolehpercayaan urustadbir korporat sebagaimana yang digunakan berdasarkan imbuhan pengarah telah dipatuhi dengan sewajarnya melalui pendedahan lingkungan nilai yang dibuat.

### Lembaga Pengarah

Di samping tugas-tugas berkanunnya, Lembaga Pengarah turut bertanggungjawab terhadap urustadbir korporat, termasuk menetapkan hala tuju strategik keseluruhan bagi Kumpulan, menyelia pengendalian perniagaan Syarikat, mengenalpasti risiko-risiko utama, memastikan sistem-sistem sewajarnya diwujudkan bagi menguruskan risiko-risiko tersebut, mengkaji kemantapan sistem kawalan dalam Syarikat, perancangan penggantian dan mewujudkan program perhubungan para pelabur.

The Board meets at least four times a year, with additional meetings convened as necessary. During the year ended 31 December 2002, eight Board meetings were held. The attendance of the Directors at the Board Meetings was as follows:

	<u>No. of meetings attended</u>
Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman Taib	7 out of 8
Haji Mahmud Abu Bekir Taib	8 out of 8
David William Berry	7 out of 7
Datuk Haji Onn bin Mahmud	4 out of 8
Dato Sri Liang Kim Bang	7 out of 8
YB Haji Talib bin Zulpilip	6 out of 8
Datuk Wan Ali Tuanku Yubi	6 out of 8
Datu Michael Ting Kuok Ngie	8 out of 8
Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha	2 out of 3
Hijjas bin Kasturi	2 out of 3
Datuk (Dr) Philip Ting Ding Ing	2 out of 3

Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha and Hijjas bin Kasturi resigned from the Board on 1 March 2002. Datuk (Dr) Philip Ting Ding Ing retired in accordance with Article 110 of the Company's Articles of Association and did not seek re-election at the Annual General Meeting held on 22 May 2002. David William Berry was appointed to the Board on 31 January 2002.

#### **Board Balance**

The Board currently has eight members, comprising seven non-executive Directors (including the Chairman) and one executive Director. Three of the eight Directors are independent Directors, which is in excess of the one-third requirement. Together, the Directors have a wide range of business, financial, technical and public service experience, which is essential for the successful direction of a diversified group like Cahya Mata Sarawak Berhad. A brief profile of each Director is presented on pages 27 to 31.

To ensure that there is a balance of power and authority, the roles of the Chairman and the Group Chief Executive Officer are separated and clearly defined. The Chairman is responsible for ensuring Board effectiveness and conduct whilst the Group Chief Executive Officer has overall responsibility for the operating units, organisational effectiveness and implementation of Board policies and decisions.

The independent Directors provide unbiased and independent views, advice and judgement to take account of the interests of all "stakeholders", including shareholders, employees, customers, suppliers and the communities in which the Group conducts business.

*Lembaga Pengarah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun, dengan mesyuarat tambahan diadakan bila perlu. Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002, sebanyak lapan mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan. Kehadiran para Pengarah pada Mesyuarat Lembaga Pengarah berkenaan adalah seperti berikut:*

	<u>Bil. mesyuarat dihadiri</u>
Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman Taib	7 daripada 8
Haji Mahmud Abu Bekir Taib	8 daripada 8
David William Berry	7 daripada 7
Datuk Haji Onn bin Mahmud	4 daripada 8
Dato Sri Liang Kim Bang	7 daripada 8
YB Haji Talib bin Zulpilip	6 daripada 8
Datuk Wan Ali Tuanku Yubi	6 daripada 8
Datu Michael Ting Kuok Ngie	8 daripada 8
Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha	2 daripada 3
Hijjas bin Kasturi	2 daripada 3
Datuk (Dr) Philip Ting Ding Ing	2 daripada 3


*Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha dan Hijjas bin Kasturi meletakan jawatan dari Lembaga Pengarah pada 1 Mac 2002. Datuk (Dr) Philip Ting Ding Ing bersara menurut Perkara 110 Tataurusan Persatuan Syarikat dan tidak menawarkan diri untuk dilantik semula pada Mesyuarat Agung Tahunan yang diadakan pada 22 Mei 2002. David William Berry telah dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah pada 31 Januari 2002.*

#### **Keseimbangan dalam Lembaga Pengarah**

*Lembaga Pengarah kini mempunyai lapan orang ahli yang terdiri daripada tujuh orang Pengarah bukan eksekutif (termasuk Pengurus) dan seorang Pengarah eksekutif. Tiga daripada mereka merupakan Pengarah bebas dan jumlah ini melebihi keperluan satu pertiga yang ditetapkan. Pengarah-pengarah ini mempunyai pelbagai pengalaman dalam bidang perniagaan, kewangan, teknikal dan perkhidmatan awam. Kesemua pengalaman ini amat perlu bagi memastikan kejayaan Cahya Mata Sarawak Berhad. Profil ringkas mengenai setiap Pengarah dipaparkan pada halaman 27 hingga 31.*

*Bagi memastikan keseimbangan kuasa dan autoriti, peranan Pengurus dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan diasingkan dan ditentukan dengan jelas. Pengurus bertanggungjawab memastikan keberkesanan dan pengendalian Lembaga Pengarah, sementara Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan pula secara keseluruhan bertanggungjawab terhadap unit-unit kendalian, kecekapan organisasi serta pelaksanaan dasar-dasar dan keputusan Lembaga Pengarah.*

*Pengarah-pengarah bebas memberikan pandangan, nasihat dan pertimbangan sendiri yang saksama dengan mengambilkira kepentingan semua "pemegang kepentingan", termasuk pemegang saham, kakitangan, pelanggan, pembekal dan komuniti di mana Kumpulan ini menjalankan perniagaannya.*





Dato Sri Liang Kim Bang acts as the senior independent non-executive Director. Any concerns relating to the Group may be conveyed to him.

#### **Supply of Information**

All Directors are provided with an agenda and a set of Board papers prior to Board meetings. This is issued in sufficient time to enable the Directors to obtain further explanations, where necessary, in order to be properly briefed before the meeting.

There is a schedule of matters reserved specifically for the Board's decision, including approval of corporate plans and budgets, acquisitions and disposals of undertakings and properties of a substantial value, major investment and financial decisions, and significant changes to the management and control structure within the Group, including key policies and procedures and delegated authority limits.

In the furtherance of their duties, Directors may obtain independent professional advice at the Company's expense. All Directors have access to the advice and services of the Group Secretaries in carrying out their duties.

#### **Board Committees**

The following Committees have been established to assist the Board in the execution of its responsibilities. The Committees listed below report to the Board on all matters considered and their recommendations thereon. The terms of reference of each Committee have been approved by the Board and, where applicable, comply with the recommendations of the Code.

##### **a. Audit Committee**

The Audit Committee reviews issues of accounting policy and presentation for external financial reporting, monitors the work of the internal audit function and ensures an objective and professional relationship is maintained with the external auditors, and that inappropriate conflicts of interest are avoided. The Committee has full access to the auditors both internally and externally who, in turn, have access at all times to the Chairman of the Committee.

The report on the Audit Committee, including its role in relation to the external auditors, may be found on pages 43 to 46 of this Annual Report.

Dato Sri Liang Kim Bang bertindak sebagai Pengarah bukan eksekutif bebas kanan. Sebarang urusan berhubungkait dengan Kumpulan boleh dikemukakan kepada beliau.

#### **Penyampaian Maklumat**

Semua Pengarah diberikan agenda dan satu set kertas Lembaga Pengarah sebelum berlangsungnya mesyuarat Lembaga Pengarah. Semua dokumen ini diberikan lebih awal supaya Para pengarah mempunyai cukup masa untuk mendapatkan penerangan lanjut, di mana perlu, supaya mereka memperoleh maklumat yang lengkap dan jelas sebelum mesyuarat bermula.

Terdapat beberapa perkara khusus tertentu yang perlu diputuskan oleh Lembaga Pengarah. Ini termasuk meluluskan pelan korporat dan belanjawan, pengambilalihan dan pelupusan perusahaan dan harta-harta yang besar nilainya, keputusan pelaburan dan kewangan yang utama, serta perubahan besar kepada struktur pengurusan dan kawalan dalam Kumpulan, termasuk dasar dan prosedur-prosedur utama dan had penugasan autoriti.

Dalam melaksanakan tugasannya, para Pengarah boleh mendapatkan nasihat profesional bebas atas perbelanjaan Syarikat. Semua Pengarah boleh memohon nasihat serta perkhidmatan Setiausaha-setiausaha Kumpulan dalam menjalankan segala tugasnya.

#### **Jawatankuasa Lembaga Pengarah**

Jawatankuasa-jawatankuasa yang berikut telah ditubuhkan untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawab mereka. Jawatankuasa-jawatankuasa yang dinyatakan di bawah melaporkan kepada Lembaga Pengarah mengenai semua perkara yang dipertimbangkan dan saranan mereka berkaitan dengannya. Bidang tugas setiap Jawatankuasa ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan, di mana yang terpakai, mematuhi saranan-saranan Kod berkenaan.

##### **a. Jawatankuasa Audit**

Jawatankuasa Audit mengkaji semula isu-isu dasar perakaunan dan pembentangan bagi pelaporan kewangan luaran, memantau kerja fungsi audit dalaman serta memastikan hubungan yang objektif dan profesional dikekalkan dengan juruaudit luar, dan juga memastikan percanggahan kepentingan dielakkan. Jawatankuasa ini mempunyai kemudahan sepenuhnya untuk menggunakan khidmat juruaudit dalaman dan luar. Juruaudit-juruaudit ini pula sentiasa boleh berhubungan dengan Pengerusi Jawatankuasa.

Laporan tentang Jawatankuasa Audit, termasuk peranannya berkaitan dengan juruaudit luar, boleh didapati pada halaman 43 hingga 46 Laporan Tahunan ini.

**b. Remuneration Committee**

The Remuneration Committee is responsible for developing the Group's remuneration policy and determining the remuneration packages of executive employees of the Cahya Mata Sarawak Berhad Group. The Committee proposes, subject to the approval of the respective Boards, the remuneration and terms and conditions of service of senior management and the remuneration to be paid to each Director for his services as a member of the Board as well as Committees of the Board.

The members of the Remuneration Committee, the majority of whom are non-executive directors, are:

Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman Taib  
David William Berry (appointed on 31 January 2002)  
Dato Sri Liang Kim Bang (appointed on 1 March 2002)  
Datuk Wan Ali Tuanku Yubi  
Datu Michael Ting Kuok Ngie  
Datuk Haji Onn bin Mahmud (resigned on 1 March 2002)  
Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Taha (resigned on 1 March 2002)

**c. Nomination Committee**

The Nomination Committee has been charged with identifying and recommending new nominees to the Board as well as committees of the Board of Cahya Mata Sarawak Berhad and other Group companies. However, all decisions on appointments are made by the respective Boards after considering the recommendations of the Committee. The Committee will review the required mix of skills, experience and other qualities including core competencies which non-executive Directors should bring to the Board.

The members of the Nomination Committee, all of whom are non-executive Directors and a majority of whom are independent, are:

Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman Taib  
Dato Sri Liang Kim Bang  
Datuk Haji Onn bin Mahmud  
Datuk Wan Ali Tuanku Yubi  
Datu Michael Ting Kuok Ngie

**Appointments to the Board**

The Nomination Committee recommends the appointment of new Directors to the Board. The Company has a familiarisation programme for new Board members. These include a detailed information package comprising the corporate and organisational structures, terms of reference of the various board committees, profile of key personnel and an overview of the Group's operations. Visits to the Group's businesses and meetings with senior management are arranged, as appropriate, to facilitate Directors' understanding of the Group.

**b. Jawatankuasa Ganjaran**

Jawatankuasa Ganjaran bertanggungjawab membentuk dasar ganjaran Kumpulan dan menentukan pakej ganjaran bagi kakitangan eksekutif Kumpulan Cahya Mata Sarawak Berhad. Jawatankuasa ini mencadangkan, tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah masing-masing, ganjaran serta terma dan syarat-syarat perkhidmatan kakitangan pengurusan kanan dan ganjaran yang perlu dibayar kepada setiap Pengarah bagi khidmatnya sebagai ahli Lembaga Pengarah dan juga ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

Ahli-ahli Jawatankuasa Ganjaran, di mana sebahagian besarnya merupakan pengarah bukan eksekutif, adalah:

Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman Taib  
David William Berry (dilantik pada 31 Januari 2002)  
Dato Sri Liang Kim Bang (dilantik pada 1 Mac 2002)  
Datuk Wan Ali Tuanku Yubi  
Datu Michael Ting Kuok Ngie  
Datuk Haji Onn bin Mahmud (meletakkan jawatan pada 1 Mac 2002)  
Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Taha (meletakkan jawatan pada 1 Mac 2002)

**c. Jawatankuasa Pencalonan**

Jawatankuasa Pencalonan telah diberi tanggungjawab untuk mengenalpasti dan mencadangkan penama-penama baru kepada Lembaga Pengarah dan juga jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah Cahya Mata Sarawak Berhad dan lain-lain syarikat Kumpulan. Bagaimanapun, semua keputusan berhubung dengan pelantikan dibuat oleh Lembaga Pengarah masing-masing selepas menimbangkan cadangan Jawatankuasa ini. Jawatankuasa akan mengkaji campuran kemahiran, pengalaman dan kualiti-kualiti lain yang perlu termasuk kecekapan teras yang harus dibawa oleh Pengarah-pengarah bukan eksekutif ke dalam Lembaga Pengarah.

Ahli-ahli Jawatankuasa, yang kesemuanya merupakan Pengarah bukan eksekutif dan sebahagian besarnya pula bebas, adalah:

Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman Taib  
Dato Sri Liang Kim Bang  
Datuk Haji Onn bin Mahmud  
Datuk Wan Ali Tuanku Yubi  
Datu Michael Ting Kuok Ngie

**Pelantikan ke Lembaga Pengarah**

Jawatankuasa Pencalonan mencadangkan pelantikan Pengarah baru ke Lembaga Pengarah. Syarikat mempunyai program pembiasaan untuk ahli-ahli baru Lembaga Pengarah. Ini termasuk pakej maklumat terperinci yang mengandungi struktur korporat dan organisasi, bidang tugas pelbagai jawatankuasa lembaga pengarah, profil personel utama dan gambaran keseluruhan operasi Kumpulan. Kunjungan ke operasi Kumpulan dan mesyuarat dengan pengurusan kanan diaturkan, jika perlu, bagi meningkatkan pemahaman Pengarah tentang Kumpulan.





### **Re-election of Directors**

In accordance with the Company's Articles of Association, all Directors who are appointed by the Board are subject to election by shareholders at the first Annual General Meeting after their appointment. One-third of the remaining Directors are required to submit themselves for re-election by rotation at each Annual General Meeting, and all Directors must submit themselves for re-election at least once every three years. Directors over seventy years of age are required to submit themselves for re-appointment annually in accordance with Section 129(6) of the Companies Act, 1965.

### **Directors' Remuneration**

The Company has adopted the objective as recommended by the Code on Corporate Governance to determine the remuneration for a Director so as to ensure that the Company attracts and retains the Directors needed to run the Group successfully. The component parts of remuneration are structured so as to link rewards to corporate and individual performance, as in the case of executive Directors. For non-executive directors, the level of remuneration reflects the experience and level of responsibilities undertaken by the particular non-executive concerned, and in particular, membership of Board Committees, if any.

### **Directors' Training**

All members of the Board have attended the Mandatory Accreditation Programme prescribed by the Research Institute of Investment Analysts Malaysia, the training arm of the Kuala Lumpur Stock Exchange.

### **Investor Relations & Shareholder Communications**

The Board acknowledges the need for shareholders to be informed of all material business matters affecting the Company. In addition to various announcements made during the year, the timely release of financial results on a quarterly basis provides shareholders with an overview of the Group's performance and operations.

The Company uses the Annual General Meeting, usually held in May each year, as the primary way of communicating with shareholders. Shareholders who are unable to attend are allowed to appoint proxies to attend and vote on their behalf. Members of the Board as well as the Auditors of the Company are present to answer questions raised at the meeting. A press conference is also held after the Annual General Meeting to meet the press and to answer any queries arising.

In addition, shareholders can obtain up-to-date information on the Group's various activities by accessing its website at [www.cmsb.com.my](http://www.cmsb.com.my). Press releases and all announcements to the Kuala Lumpur Stock Exchange, including the consolidated quarterly results of the Group, are posted on this site.

### **Pemilihan Semula Pengarah**

Selaras dengan Tataurusan Persatuan Syarikat, semua Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah adalah tertakluk kepada pemilihan oleh pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan selepas pelantikan mereka. Satu pertiga daripada Pengarah yang tinggal perlu bersedia untuk dipilih semula mengikut giliran pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan, dan semua Pengarah perlu bersedia untuk dipilih semula sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun. Pengarah yang berumur lebih tujuh puluh tahun dikehendaki bersedia untuk dilantik semula setiap tahun selaras dengan Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965.

### **Ganjaran Pengarah**

Syarikat telah menerima pakai objektif yang disarankan oleh Kod Urus Tadbir Korporat bagi menentukan ganjaran seseorang Pengarah demi memastikan Syarikat dapat menarik dan mengekalkan Pengarah-pengarah yang perlu untuk berjaya mengendalikan Kumpulan. Bagi Pengarah-pengarah eksekutif, bahagian-bahagian komponen ganjaran disusun dan mengaitkan dengan prestasi korporat dan individu. Bagi pengarah-pengarah bukan eksekutif pula, tahap ganjaran mencerminkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dipikul oleh pengarah bukan eksekutif berkenaan, dan khususnya, keahlian dalam Jawatankuasa Lembaga Pengarah, jika ada.

### **Latihan Pengarah**

Semuah ahli Lembaga Pengarah telah menghadiri Program Pentaulahan Mandatori yang ditetapkan oleh Institut Penyelidikan Penganalisis Pelaburan Malaysia, sebuah institut latihan Bursa Saham Kuala Lumpur.

### **Perhubungan Pelaburan & Komunikasi Pemegang Saham**

Lembaga Pengarah menyedari perlunya pemegang saham dimaklumkan tentang semua urusan perniagaan penting yang membabitkan Syarikat. Selain pelbagai pengumuman sepanjang tahun, hasil-hasil kewangan yang dikeluarkan setiap suku tahun pada waktu ditetapkan juga memberi gambaran keseluruhan tentang prestasi dan operasi Kumpulan.

Syarikat menggunakan Mesyuarat Agung Tahunan, yang biasanya diadakan pada bulan Mei setiap tahun sebagai cara utama berkommunikasi dengan para pemegang saham. Para pemegang saham yang tidak dapat hadir di mesyuarat berkenaan dibenarkan melantik proksi untuk hadir dan undi bagi pihak mereka. Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Juraudit-juraudit Syarikat turut menghadiri mesyuarat berkenaan untuk menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan dalam mesyuarat. Sidang akhbar juga diadakan selepas Mesyuarat Agung Tahunan untuk bertemu dengan pihak media dan menjawab sebarang soalan yang dikemukakan.

Di samping itu, pemegang saham boleh mendapatkan maklumat terkini tentang pelbagai aktiviti Kumpulan dengan melayari laman webnya di [www.cmsb.com.my](http://www.cmsb.com.my). Siaran akhbar dan semua pengumuman kepada Bursa Saham Kuala Lumpur, termasuk hasil-hasil suku tahunan disatukan Kumpulan, dipaparkan.

Any queries or concerns regarding the Cahya Mata Sarawak Berhad Group may be conveyed to the following persons:

- i) Dato Sri Liang Kim Bang, Senior Independent Non-Executive Director  
Tel: 082 332 111 Fax: 082 484 057
- ii) Isaac Lugun, Group General Manager - Corporate Affairs / Group Company Secretary  
Tel: 082 238 888 Fax: 082 338 611

#### **Financial Reporting**

In presenting the annual financial statements and quarterly announcement of results to shareholders, the Directors aim to present a balanced and understandable assessment of the Group's position and prospects.

The Directors consider that in preparing the financial statements, the Group has used appropriate accounting policies, consistently applied and supported by reasonable and prudent judgements and estimates. All accounting standards which the Board considers to be applicable have been followed, but the Board will publish additional notes and data which go beyond minimum requirements, particularly where it considers amplification is required to give shareholders a proper understanding of the Group.

#### **Internal Control**

The Group's Statement on Internal Control is set out on Page 38 to 40 of this Annual Report.

This statement is made in accordance with a resolution of the Board of Directors dated 28 February 2003.

Sebarang pertanyaan atau urusan berhubung dengan Kumpulan Cahya Mata Sarawak Berhad boleh dikemukakan kepada orang-orang berikut:

- i) Dato Sri Liang Kim Bang, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan  
Tel: 082 332 111 Faks: 082 484 057
- ii) Isaac Lugun, Pengurus Besar Kumpulan - Hal-Ehwal Korporat / Setiausaha Kumpulan  
Tel: 082 238 888 Faks: 082 338 611

#### **Laporan Kewangan**

Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan dan pengumuman hasil-hasil suku tahunan, para Pengarah berhasrat untuk membentangkan taksiran yang seimbang dan dapat difahami tentang kedudukan dan prospek Kumpulan.

Para Pengarah berpendapat bahawa dalam menyediakan penyata kewangan, Kumpulan telah menggunakan dasar perakaunan yang sesuai, konsisten dan diperkuuhkan oleh pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemat. Semua piawai perakaunan yang dianggap terpakai oleh Lembaga Pengarah telah dipatuhi, tetapi Lembaga Pengarah akan menerbitkan nota dan data tambahan yang melampaui keperluan minimum, khususnya dalam hal-hal yang ia berpendapat perincian dan peluasan diperlukan untuk memberikan pemahaman wajar kepada pemegang saham tentang Kumpulan.

#### **Kawalan Dalaman**

Kenyataan Mengenai Kawalan Dalaman Kumpulan diberikan pada halaman 38 hingga 40 Laporan Tahunan ini.

Kenyataan ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 28 Februari 2003.

**Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman Taib**  
**Group Chairman / Pengerusi Kumpulan**

**David William Berry**  
**Executive Director / Group Chief Executive Officer /**  
**Pengarah Eksekutif / Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan**



# statement on internal control

## penyata kawalan dalaman

038



### Introduction

The Malaysian Code on Corporate Governance requires listed companies to maintain a sound system of internal control to safeguard shareholders' investments and the Group's assets. The Kuala Lumpur Stock Exchange's ("KLSE") Listing Requirements require directors of listed companies to include a statement in their annual report on the state of the Company's internal controls.

### Responsibility

The Board of Directors recognises its responsibilities for, and the importance of, sound internal control and risk management practices, and for reviewing the adequacy and integrity of those systems. It should be noted, however, that such systems are designed to manage rather than eliminate risk. In addition, any system can only provide reasonable, and not absolute, assurance against material misstatement or loss.

The Board does not regularly review the internal control systems of the Company's publicly-listed subsidiary, Utama Banking Group Berhad ("UBG"), or those of its associated companies. The Group's interests are served through representation on the Boards of these respective companies and the receipt and review of management reports thereon.

During the year, the Board embarked on establishing procedures to implement, in full, the recommendations of the "KLSE's Statement on Internal Control: Guidance for Directors of Public Listed Companies". These procedures, which are subject to regular review, are intended to provide an on-going process for identifying, evaluating and managing the significant risks faced by the Group.

### Risk Management

During the year, the Company engaged external consultants to assist in the development and assessment of a formalised risk management framework.

To this end, management has reviewed the internal control framework that currently exists within the Group and assessed the applicability of the existing controls with regards to their effectiveness and efficiency, facilitated by the workshops that were attended by management of the various subsidiary companies. The results of this exercise were reported to the Board.

### Pengenalan

Kod Urustadbir Korporat Malaysia menghendaki syarikat-syarikat tersenarai mengekalkan sistem kawalan dalaman yang cekap dan berkesan demi melindungi pelaburan pemegang saham dan aset Kumpulan. Peraturan-peraturan Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur ("BSKL") menghendaki pengarah-pengarah syarikat tersenarai menyertakan satu kenyataan dalam laporan tahunan mereka mengenai keadaan kawalan dalaman Syarikat.

### Tanggungjawab

Lembaga Pengarah menyedari tanggungjawabnya serta pentingnya untuk melaksanakan kawalan dalaman dan amalan pengurusan risiko yang cekap dan berkesan, serta untuk mengkaji semula kecukupan dan keutuhan sistem-sistem berkenaan. Walau bagaimanapun, haruslah diingat bahawa sistem-sistem berkenaan direka untuk menguruskan risiko dan bukannya untuk menyingkirkan risiko. Tambahan pula, mana-mana sistem pun hanya mampu memberikan jaminan yang munasabah dan bukannya jaminan mutlak terhadap pernyataan silap material atau kerugian.

Lembaga Pengarah tidak kerap mengkaji semula sistem kawalan dalaman anak syarikat senaraian awam, iaitu Utama Banking Group Berhad ("UBG"), atau sistem kawalan dalaman syarikat-syarikat bersekutunya. Kepentingan Kumpulan dipertahankan melalui perwakilan dalam Lembaga Pengarah syarikat ini masing-masing serta penerimaan dan kajian semula laporan pengurusan berkaitan dengannya.

Pada tahun berkenaan, Lembaga Pengarah mula membentuk prosedur-prosedur bagi melaksanakan sepenuhnya saranan-saranan yang terdapat dalam "KLSE's Statement on Internal Control: Guidance for Directors of Public Listed Companies". Prosedur-prosedur ini yang tertakluk kepada kajian semula yang kerap bertujuan untuk menyediakan satu proses yang berterusan bagi mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko-risiko ketara yang dihadapi oleh Kumpulan.

### Pengurusan Risiko

Pada tahun berkenaan, Syarikat telah mendapatkan khidmat pakar runding luar untuk membantu membentuk dan menaksir rangka pengurusan risiko yang formal.

Bagi tujuan ini, pihak pengurusan telah mengkaji semula rangka kawalan dalaman yang ada sekarang ini dalam Kumpulan dan menaksir kesesuaian kawalan yang sedia ada dari segi keberkesanan dan kecekapannya, dibantu oleh bengkel-bengkel yang telah dihadiri oleh pihak pengurusan daripada pelbagai anak syarikatnya. Hasil dan keputusan yang diperolehi daripada pelaksanaan langkah ini telah dilaporkan kepada Lembaga Pengarah.

This formalised assessment takes into account all significant aspects of internal control including: risk assessment; the control environment and control activities; information and communication. Key business risks have been categorised to highlight the source of the risk, and scored to reflect both the financial and reputational impact of the risk and the likelihood of its occurrence.

Management, in its efforts to embed the process throughout the Group, plans to develop a monitoring and reporting process to continuously evaluate and monitor the significant risks in a formalised manner, which will entail establishing procedures for reporting and monitoring of risk and controls. Regular reviews and certification by subsidiaries and departments under the Company will be performed on an agreed periodic basis with additional reviews as and when required.

These initiatives will ensure that the Group has in place a formalised ongoing process for identifying, evaluating, monitoring and managing the significant risks impacting the achievement of its business objectives.

#### **Key Elements of the Internal Control System**

The key elements of the Group's internal control system are described below: -

- clearly defined delegation of responsibilities to Committees of the Board and the management, including authorisation levels for all aspects of the businesses. Such delegation is subject to periodic review throughout the year as to their implementation and for their continuing suitability.
- clearly documented internal procedures set out in the Group Financial Policies and Procedures Manual.
- a detailed Group Procurement Policies and Procedures Manual to regulate procurement of goods and services in the Group. This includes the establishment of a Central Tender Committee which has responsibility for all high value procurement in the Group.
- a detailed strategic planning and budgeting process where operating units prepare business plans and detailed capital and operating budgets for the coming year. These plans are approved by the Board.

*Penaksiran formal ini mengambil kira semua aspek penting kawalan dalaman termasuk taksiran risiko; persekitaran kawalan dan aktiviti kawalan; maklumat dan komunikasi. Risiko-risiko pengurusan utama telah dikategorikan bagi mengenal pasti punca risiko, dan diperingkatkan bagi mencerminkan impak risiko tersebut terhadap kewangan dan reputasi serta kemungkinan ia berlaku.*

*Pihak pengurusan, dalam usahanya untuk menyerapkan proses ini di seluruh Kumpulan, merancang untuk membentuk proses pemantauan dan pelaporan bagi menilai dan memantau risiko-risiko ketara secara berterusan dengan cara formal. Usaha ini juga akan membabitkan pewujudan prosedur-prosedur untuk pelaporan dan pemantauan risiko dan kawalan. Kajian semula yang kerap dan perakuan oleh anak-anak syarikat dan jabatan-jabatan di bawah Syarikat akan dilaksanakan pada asas berkala yang dipersetujui berserta kajian semula tambahan apabila dan ketika diperlukan.*

*Segala usaha ini akan memastikan Kumpulan mempunyai satu proses berterusan yang formal bagi mengenal pasti, menilai, memantau dan menguruskan risiko-risiko ketara yang memberi kesan kepada pencapaian objektif-objektif perniagaannya.*

#### **Elemen-Elemen Penting Sistem Kawalan Dalaman**

*Elemen-elemen penting sistem kawalan dalaman Kumpulan diterangkan di bawah: -*

- *penugasan tanggungjawab yang jelas untuk Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan, termasuk tahap pemberikuasaan bagi segala aspek perniagaan. Penugasan berkenaan adalah tertakluk kepada kajian semula berkala sepanjang tahun dari segi pelaksanaannya dan juga kesesuaianya yang berterusan.*
- *prosedur-prosedur dalaman yang jelas yang dinyatakan dalam Dasar Kewangan Kumpulan dan Manual Prosedur.*
- *dasar Pemerolehan dan Manual Prosedur Kumpulan yang terperinci untuk mengawal selia pemerolehan barang dan perkhidmatan dalam Kumpulan. Ini termasuk penubuhan Jawatankuasa Tender Pusat yang bertanggungjawab terhadap semua pemerolehan yang bernilai tinggi dalam Kumpulan.*
- *perancangan strategik dan proses pembelanjawan yang terperinci di mana unit-unit operasi menyediakan pelan perniagaan serta belanjawan modal dan kendalian yang terperinci untuk tahun akan datang. Pelan ini diluluskan oleh Lembaga Pengarah.*





- regular and comprehensive information provided to management, covering financial performance and key business indicators.
- monitoring of results against budget, with major variances being followed up and, where necessary, management action taken.
- an independent Audit Committee comprising non-executive members of the Board, the majority being independent directors.
- regular internal audit visits to monitor compliance with procedures and to assess the integrity of financial information provided.
- an emphasis on the quality and ability of employees with continuing education, training and development being actively encouraged through a wide variety of programmes.
- all contracts and legally enforceable agreements are vetted by the Group's Legal Department.

The Board believes that the development of the system of internal controls is an ongoing process and has taken steps throughout the year to improve its internal control system and will continue to do so.

#### **Control Weaknesses**

During the current financial year to the date of this report, no significant control weaknesses were identified. However, a number of minor internal control weaknesses were noted, all of which have been, or are being, addressed. These are not expected to result in any material loss, contingency or uncertainty that would require disclosure in the Company's annual report.

This statement is made in accordance with a resolution of the Board of Directors dated 28 February 2003.

- memberikan maklumat yang kerap dan komprehensif kepada pihak pengurusan merangkumi prestasi kewangan dan petunjuk perniagaan utama.
- memantau hasil atau keputusan yang diperolehi dengan membandingkannya dengan belanjawan. Apa-apa perbezaan atau kelainan yang besar diambil tindakan susulan dan, di mana yang perlu, tindakan oleh pihak pengurusan.
- sebuah Jawatankuasa Audit bebas yang terdiri daripada ahli-ahli bukan eksekutif Lembaga Pengarah yang sebahagian besarnya merupakan pengarah bebas.
- lawatan audit dalaman yang kerap bagi memantau pematuhan kepada prosedur-prosedur serta menaksir keutuhan maklumat kewangan yang diberikan.
- penekanan kepada kualiti dan kebolehan kakitangan di mana pendidikan, latihan dan perkembangan yang berterusan amat digalakkan menerusi pelbagai jenis program.
- semua kontrak dan perjanjian yang boleh dikuatkuasakan secara sah adalah disemak dan diperiksa oleh Jabatan Undang-undang Kumpulan.

Lembaga Pengarah percaya bahawa pembentukan sistem kawalan dalaman merupakan satu proses yang berterusan dan pihaknya telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya sepanjang tahun berkenaan untuk memperbaikkan sistem kawalan dalamannya dan akan terus berbuat demikian.

#### **Kelemahan Kawalan**

Pada tahun kewangan semasa sehingga tarikh laporan ini dibuat, tiada kelemahan kawalan yang ketara telah dikenal pasti. Walau bagaimanapun, beberapa kelemahan kawalan dalaman yang kecil telah diambil perhatian yang kesemuanya telah atau sedang ditangani. Kelemahan ini dijangka tidak akan mengakibatkan sebarang kerugian besar, kontigensi atau ketaktentuan yang memerlukan ia didedahkan dalam laporan tahunan Syarikat.

Kenyataan ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 28 Februari 2003.

# statement on directors' responsibility

## *penyata tanggungjawab pengarah*

041

### **Statement of Directors' Responsibility**

The Directors are required by the Companies Act, 1965 ("the Act") to prepare financial statements for each financial year which give a true and fair view of the state of affairs of the Group and the Company at the end of the financial year and the profit or loss of the Group and the Company for the financial year. As required by the Act and the Listing Requirements of the Kuala Lumpur Stock Exchange, the financial statements have been prepared in accordance with the applicable approved accounting standards in Malaysia and the provisions of the Act.

The Directors consider that in preparing the financial statements for the year ended 31 December 2002 set out on pages 94 to 142, the Group has used appropriate accounting policies, consistently applied and supported by reasonable and prudent judgements and estimates. The Directors have responsibility for ensuring that the Group and the Company keep accounting records which disclose with reasonable accuracy the financial position of the Group and the Company which enable them to ensure that the financial statements comply with the Act. The Directors have general responsibility for taking such steps as are reasonably open to them to safeguard the assets of the Group and to prevent and detect fraud and other irregularities.

This statement is made in accordance with a resolution of the Board of Directors dated 9 April 2003.

### **Kenyataan Tanggungjawab Pengarah**

Akta Syarikat, 1965 ("Akta") menghendaki para Pengarah menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan. Penyata kewangan ini hendaklah memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang hal-ehwal Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan serta keuntungan atau kerugian Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berkenaan. Sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta ini dan Peraturan-peraturan Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur, penyata kewangan telah disediakan menurut piawai perakaunan diluluskan yang terpakai di Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta berkenaan.

Para Pengarah berpendapat bahawa dalam menyediakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2002 yang diberikan pada halaman 152 hingga 200, Kumpulan telah menggunakan dasar-dasar perakaunan yang sewajarnya yang digunakan secara konsisten serta diperkuuhkan oleh pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemat. Pengarah-pengarah bertanggungjawab memastikan Kumpulan dan Syarikat menyimpan rekod-rekod perakaunan yang memaparkan kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat secara tepat dan munasabah bagi membolehkan mereka memastikan penyata kewangan tersebut mematuhi Akta berkenaan. Para Pengarah bertanggungjawab mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi melindungi aset-aset Kumpulan serta mencegah dan mengesan penipuan dan keluaraturan yang lain.

Kenyataan ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 9 April 2003.



# group audit committee

## *jawatankuasa audit kumpulan*

042



### **Left to right / Kiri ke kanan:**

- Dato Sri Liang Kim Bang
- Haji Mahmud Abu Bekir Talib
- YB Haji Talib bin Zulpilip
- Datu Michael Ting Kuok Ngie

### **Composition / Komposisi**

The Group Audit Committee comprises the following Board members:

*Jawatankuasa Audit Kumpulan terdiri daripada ahli-ahli Lembaga Pengarah yang berikut:*

#### **Dato Sri Liang Kim Bang**

(Independent Non-Executive Director)  
(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)

#### **Haji Mahmud Abu Bekir Taib**

(Group Deputy Chairman / Non-Executive Director)  
(Timbalan Pengurus Kumpulan /  
Pengarah Bukan Eksekutif)

#### **YB Haji Talib bin Zulpilip**

(Non-Executive Director)  
(Pengarah Bukan Eksekutif)

#### **Datu Michael Ting Kuok Ngie**

(Independent Non-Executive Director)  
(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)

#### **Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha**

Chairman of the Group Audit Committee  
(Independent Non-Executive Director)  
(resigned on 1.3.2002)

*Pengerusi Jawatankuasa Audit Kumpulan  
(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)  
(meletak jawatan pada 1.3.2002)*

This report provides details of the composition of the Group Audit Committee ("the Committee"), its terms of reference and a summary of the activities of the Committee and the Internal Audit function during the year ended 31 December 2002.

Following the resignation of the former Chairman of the Group Audit Committee on 1 March 2002, the Board is taking steps to fill the vacancy in order to comply with the listing requirements and the Exchange has extended the deadline to meet this requirement to 31 March 2003. Pending the appointment of the Chairman, the senior independent non-executive Director, Dato Sri Liang Kim Bang, has been nominated to chair the meetings held during the year.

#### **Terms Of Reference Of The Group Audit Committee**

##### **1. Constitution**

- i) The Group Audit Committee ("the Committee") was established by a resolution of the Board on 27 March 1995.
- ii) The functions of the Committee shall extend to CMS Group of Companies collectively referred to as the "Group".
- iii) The Board shall ensure that the composition and functions of the Committee comply as far as possible with both the KLSE Listing Requirements as well as other regulatory requirements.

##### **2. Membership**

- i) The members of the Committee shall be appointed by the Board from among their number. They shall consist of not more than five members and not fewer than three members, of whom a majority shall be independent non-executive directors.
- ii) In the event of any vacancy resulting in the non-compliance of para 2(i) above, the Board shall, within three months of that event, appoint such number of new members required to fulfill the minimum requirements.
- iii) The Chairman of the Committee shall be an independent director appointed by the Board.
- iv) All members of the Committee, including the Chairman, shall hold office only so long as they serve as Directors of the Group.

*Laporan ini memberikan butir-butir mengenai komposisi Jawatankuasa Audit Kumpulan ("Jawatankuasa"), bidang tugasnya serta ringkasan aktiviti Jawatankuasa dan fungsi Audit Dalaman pada tahun berakhir 31 Disember 2002.*

*Berikutnya peletakan jawatan bekas Pengerusi Jawatankuasa Audit Kumpulan pada 1 Mac 2002, maka Lembaga Pengarah sedang mengambil langkah-langkah untuk mengisi kekosongan jawatan berkenaan demi mematuhi peraturan-peraturan penyenaraian dan BSKL telah melanjutkan tarikh akhir untuk mematuhi peraturan penyenaraian tersebut hingga 31 Mac 2003. Sehingga perlantikan Pengerusi berkenaan, Pengarah bukan eksekutif bebas kanan, Dato Sri Liang Kim Bang, telah dilantik untuk mempengerusikan mesyuarat yang diadakan pada tahun berkenaan.*

#### **Bidang Tugas Jawatankuasa Audit Kumpulan**

##### **1. Penubuhan**

- i) Jawatankuasa Audit Kumpulan ("Jawatankuasa") telah ditubuhkan melalui resolusi Lembaga Pengarah pada 27 Mac 1995.
- ii) Fungsi-fungsi Jawatankuasa ini mencakupi keseluruhan Kumpulan Syarikat-syarikat CMS yang secara kolektif dirujuk sebagai "Kumpulan".
- iii) Lembaga Pengarah akan memastikan komposisi dan fungsi Jawatankuasa ini seberapa boleh mematuhi Peraturan-peraturan Penyenaraian BSKL dan juga keperluan-keperluan kawal selia yang lain.

##### **2. Keahlian**

- i) Ahli-ahli Jawatankuasa ini akan dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan ahli-ahlinya. Mereka ini akan terdiri daripada tidak lebih daripada lima orang ahli dan tidak kurang daripada tiga orang ahli yang sebahagian besarnya merupakan pengarah bukan eksekutif bebas.
- ii) Sekiranya berlaku apa-apa kekosongan yang menyebabkan peruntukan dalam perenggan 2(i) di atas tidak dipatuhi, Lembaga Pengarah hendaklah, dalam tempoh tiga bulan dari berlakunya kekosongan berkenaan, melantik bilangan ahli baru yang dikehendaki bagi memenuhi keperluan-keperluan minima.
- iii) Pengerusi Jawatankuasa ini akan merupakan pengarah bebas yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.
- iv) Semua ahli Jawatankuasa, termasuk Pengerusi, akan memegang jawatan mereka dalam Jawatankuasa ini selagi mereka berkhidmat sebagai Pengarah Kumpulan.





### 3. Objectives

- i) To assist the Board in fulfilling its fiduciary responsibilities relating to corporate accounting and reporting practices for the Group.
- ii) To maintain, through regularly scheduled meetings, a direct line of communication between the Board and the external auditors as well as the internal auditors.
- iii) To avail to the external and internal auditors a private and confidential audience at any time they desire and to request such audience through the Chairman of the Committee, with or without the prior knowledge of Management.
- iv) To act upon the Board of Directors' request to investigate and report on any issue or concern with regard to the management of the Group.

### 4. Duties

- i) To review with the external auditors the audit plan and their evaluation of the system of internal controls.
- ii) To consider and recommend for approval of the Board the appointment or dismissal of the external auditors and the audit fees.
- iii) To review the assistance given by the Company's and the Group's officers to the auditors.
- iv) To approve the appointment or termination of the Group Internal Auditor and ensure that the Group Internal Audit Division is adequately resourced and has an independent status within the Group.
- v) To review any appraisal or assessment of the performance of staff of the internal audit function.
- vi) To review the adequacy of the internal audit plans, scope of examination of the internal auditors and ensure that appropriate action is taken by Management in respect of the audit observations and the Committee's recommendations.
- vii) To review the quarterly financial statements to the KLSE and the annual audited accounts before submission to the Board. The review should focus primarily on compliance with accounting standards as well as other regulatory requirements and the adequacy of information disclosure for a fair and full presentation of the financial affairs of the Group.
- viii) To review any related party transaction and conflict of interest situation that may arise within the Company and the Group including any transaction, procedure or conduct that raises questions of management integrity.
- ix) To direct any special investigations on the Group's operations to be carried out by the Group Internal Audit Division or any other appropriate agencies.
- x) To discuss problems and reservations arising out of external or internal audits and any matters which the auditors wish to bring up in the absence of Management or the Executive Directors of the Group where necessary.

### 3. Objektif

- i) Membantu Lembaga Pengarah dalam menunaikan tanggungjawab fidusiarinya berhubung dengan perakaunan korporat dan amalan pelaporan bagi Kumpulan.
- ii) Untuk mengekalkan, melalui mesyuarat berjadual yang kerap, saluran komunikasi langsung antara Lembaga Pengarah dengan juruaudit luar dan juga juruaudit dalaman.
- iii) Meluangkan masa untuk mengadakan pertemuan sult dan persendirian dengan juruaudit luar dan dalaman pada bila-bila masa yang mereka inginkan dan meminta mengadakan pertemuan berkenaan melalui Pengerusi Jawatankuasa, dengan atau tanpa pengetahuan pihak Pengurusan terlebih dahulu.
- iv) Bertindak berdasarkan permintaan Lembaga Pengarah untuk menyiasat dan memberi laporan mengenai apa-apa isu atau urusan berhubung dengan pengurusan Kumpulan.

### 4. Tugas

- i) Mengkaji semula pelan audit dengan juruaudit luar serta penilaian mereka terhadap sistem kawalan dalaman.
- ii) Menimbang dan mengesyorkan perlantikan atau pemecatan juruaudit luar dan yuran audit untuk kelulusan Lembaga Pengarah.
- iii) Mengkaji semula bantuan yang diberi oleh pegawai-pegawai Syarikat dan Kumpulan kepada juruaudit.
- iv) Meluluskan perlantikan atau pemberhentian Juruaudit Dalaman Kumpulan dan memastikan Bahagian Audit Dalaman Kumpulan mempunyai sumber-sumber yang secukupnya dan mempunyai status bebas di dalam Kumpulan.
- v) Mengkaji semula mana-mana penilaian prestasi kaktangan fungsi audit dalaman.
- vi) Mengkaji semula kecukupan pelan audit dalaman, skop pemeriksaan juruaudit dalaman dan memastikan tindakan sewajarnya diambil oleh pihak Pengurusan berkaitan dengan pemerhatian audit dan saranan Jawatankuasa.
- vii) Mengkaji semula penyata kewangan suku tahun kepada BSCL dan akaun-akaun tahunan yang telah diaudit sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah. Kajian semula berkenaan haruslah ditumpukan terutamanya kepada pematuhan terhadap piawai perakaunan dan juga keperluan-keperluan kawal selia yang lain serta kecukupan pendedahan maklumat demi membentangkan hal ehwal kewangan Kumpulan dengan saksama dan lengkap.
- viii) Mengkaji semula apa-apa urus niaga pihak berkaitan dan situasi percanggahan kepentingan yang mungkin timbul di dalam Syarikat dan Kumpulan termasuk apa-apa urus niaga, prosedur atau pelakuan yang menimbulkan keraguan tentang integriti pengurusan.
- ix) Mengarahkan apa-apa siasatan khas ke atas operasi Kumpulan dijalankan oleh Bahagian Audit Dalaman atau mana-mana agensi lain yang berkenaan.
- x) Membincangkan masalah dan keraguan yang berbangkit daripada audit luaran atau dalaman dan apa-apa perkara yang ingin dikemukakan oleh juruaudit semasa ketidaaan pihak Pengurusan atau Pengarah-pengarah Eksekutif Kumpulan di mana yang perlu.

- xi) To perform other related duties as may be agreed by the Committee and the Board.

#### **5. Authority**

- i) The Committee is authorised to investigate any matter within its terms of reference and shall have unrestricted access to obtain any information it requires from any employee of the Group.
- ii) The Committee is authorised to direct any employee of the Group to appear before it to give information or clarification as required.
- iii) The Committee is also authorised by the Board to obtain outside legal or any other independent professional advice and to secure the attendance of outsiders with relevant experience and expertise.
- iv) Where the Committee is of the view that a matter reported by it to the Board has not been satisfactorily resolved resulting in a breach of the KLSE Listing Requirements, the Committee is also required to promptly report such matter to the Exchange.

#### **6. Meetings and minutes**

- i) The Committee shall meet not less than three times a year although additional meetings may be called at any time at the Chairman's discretion. The quorum of each meeting shall be two independent non-executive directors.
- ii) In addition to the Committee members, the meeting will normally be attended by representatives of the external auditors, the Group Chief Financial Officer, the Group Internal Auditor and any appropriate persons as determined by the Chairman.
- iii) The Group Internal Auditor shall be the Secretary to the Committee. Prior to the meeting, he shall send an agenda to all members of the Committee. Minutes of each meeting shall be kept and distributed to each member of the Committee and the Board.

#### **Meetings in 2002**

During the year ended 31 December 2002, the Group Audit Committee held four meetings which were attended by the members as follows:

	No. of Meetings Attended
Dato Sri Liang Kim Bang	3 out of 4
Haji Mahmud Abu Bekir Taib	4 out of 4
YB Haji Talib bin Zulpilip	4 out of 4
Datu Michael Ting Kuok Ngie	4 out of 4
Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha (resigned 1.3.2002)	1 out of 1

- xi) Melaksanakan tugas-tugas lain yang berkaitan sebagaimana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa dan Lembaga Pengarah.

#### **5. Kuasa**

- i) Jawatankuasa ini diberi kuasa untuk menyiasat apa-apa perkara dalam bidang tugasnya dan akan mempunyai akses yang tidak terbatas bagi mendapatkan apa-apa maklumat yang dikehendaknya daripada mana-mana kakitangan Kumpulan.
- ii) Jawatankuasa ini diberi kuasa untuk mengarahkan mana-mana kakitangan Kumpulan memberikan maklumat atau perjelasan sebagaimana yang dikehendaki kepada Jawatankuasa ini.
- iii) Jawatankuasa ini juga diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan nasihat undang-undang atau apa-apa nasihat profesional bebas dari luar serta mendapatkan kehadiran pihak luar yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang bersangkutan.
- iv) Sekiranya Jawatankuasa ini berpendapat bahawa sesuatu perkara yang dilaporkan olehnya kepada Lembaga Pengarah telah tidak diselesaikan dengan cara yang memuaskan sehingga mengakibatkan pelanggaran Peraturan-peraturan Penyenaraian BSKL, maka Jawatankuasa ini juga dikehendaki segera melaporkan perkara berkenaan kepada BSKL.

#### **6. Mesyuarat dan minit mesyuarat**

- i) Jawatankuasa ini akan bermesyuarat tidak kurang daripada tiga kali setahun walaupun mesyuarat tambahan mungkin dipanggil pada bila-bila masa mengikut budi bica Pengerusi. Korum setiap mesyuarat berkenaan terdiri daripada dua pengarah bukan eksekutif bebas.
- ii) Selain dihadiri oleh ahli-ahli Jawatankuasa, mesyuarat berkenaan juga biasanya dihadiri oleh wakil-wakil juruaudit luar, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Juruaudit Dalaman Kumpulan dan mana-mana orang yang bersangkutan sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi.
- iii) Juruaudit Dalaman Kumpulan akan menjadi Setiausaha Jawatankuasa ini. Sebelum mesyuarat, Setiausaha akan mengedarkan agenda mesyuarat kepada semua ahli Jawatankuasa. Minit setiap mesyuarat berkenaan akan disimpan dan diedarkan kepada setiap ahli Jawatankuasa dan ahli Lembaga Pengarah.

#### **Mesyuarat pada tahun 2002**

Pada tahun berakhir 31 Disember 2002, Jawatankuasa Audit Kumpulan telah mengadakan empat mesyuarat yang dihadiri oleh ahli-ahli seperti berikut:

	Bil. Mesyuarat yang Dihadiri
Dato Sri Liang Kim Bang	3 daripada 4
Haji Mahmud Abu Bekir Taib	4 daripada 4
YB Haji Talib bin Zulpilip	4 daripada 4
Datu Michael Ting Kuok Ngie	4 daripada 4
Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha (meletak jawatan pada 1.3.2002)	1 daripada 1



#### Activities of the Group Audit Committee in the Year 2002

- Reviewed the audit plan with the external auditors and their evaluation of the system of internal control;
- Reviewed the assistance given by the Company's and Group's officers to the external auditors;
- Reviewed accounting/audit issues, findings and other reservations arising from the external audit and ensure that appropriate action is taken;
- Reviewed the adequacy of the internal audit plans, scope of examination and internal audit reports and ensured that appropriate action had been taken by management in respect of the audit findings and the Committee's recommendations;
- Reviewed the quarterly financial statements of the Company and the Group to the KLSE and the annual audited Group accounts prior to submission to the Board for consideration and approval;
- Reviewed the adequacy of the disclosure of related party transactions entered into by the Company and the Group and also the adequacy of the policies and procedures in respect of related party transactions in ensuring that these transactions are in the best interest of the Company;
- Considered and recommended to the Board the reappointment of the external auditors of the Group and the audit fees; and
- Reviewed the appraisal of the performance of internal audit staff

#### Internal Audit Function

The Company has an Internal Audit Division whose primary responsibility is to conduct regular and systematic audits of the significant operations of the Group based on assessed risks so as to provide reasonable assurance to the Committee of the adequacy of internal controls within the Group.

The annual Group Internal Audit plan is approved by the Committee at the beginning of each year. The Internal Audit function, which is independent of the activities they audit, has carried out planned audits during the year and provided regular reports on the extent of compliance with internal financial policies and operational procedures. It has also provided recommendations to improve existing systems of internal controls, which have been communicated to both operations' managements and the Group Audit Committee.

#### Aktiviti Jawatankuasa Audit Kumpulan Pada Tahun 2002

- Mengkaji semula pelan audit dengan juruaudit luar dan penilaian mereka tentang sistemkawalan dalaman;
- Mengkaji semula bantuan yang diberikan oleh pegawai-pegawai Syarikat dan Kumpulan kepada juruaudit luar;
- Mengkaji semula isu-isu perakaunan/audit, dapatan dan keraguan lain yang berbangkit daripada audit luaran dan memastikan tindakan yang sewajarnya diambil;
- Mengkaji semula kecukupan pelan audit dalaman, skop pemeriksaan dan laporan audit dalaman serta memastikan tindakan sewajarnya telah diambil oleh pihak Pengurusan berhubung dengan dapatan audit dan saranan Jawatankuasa;
- Mengkaji semula penyata kewangan suku tahun Syarikat dan Kumpulan kepada BSKL dan akaun-akaun tahunan Kumpulan yang telah diaudit sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk dipertimbangkan dan diluluskan;
- Mengkaji semula kecukupan pendedahan tentang urus niaga pihak berkaitan yang dijalankan oleh Syarikat dan Kumpulan dan juga kecukupan dasar dan prosedur berhubung dengan urus niaga pihak berkaitan bagi memastikan urus niaga ini adalah demi kepentingan Syarikat;
- Menimbaangkan dan menyarankan perlantikan semula juruaudit luar Kumpulan dan yuran audit kepada Lembaga Pengarah; dan
- Mengkaji semula penilaian prestasi kakitangan audit dalaman

#### Fungsi Audit Dalaman

Syarikat mempunyai Bahagian Audit Dalaman yang tanggungjawab utamanya ialah menjalankan audit yang kerap dan sistematik ke atas operasi Kumpulan berdasarkan taksiran risiko untuk memberikan jaminan yang munasabah kepada Jawatankuasa tentang kecukupan kawalan dalaman di dalam Kumpulan.


Pelan Audit Dalaman tahunan Kumpulan diluluskan oleh Jawatankuasa pada awal setiap tahun. Fungsi Audit Dalaman, yang tidak bersangkut-paut dengan aktiviti yang mereka audit, telah melaksanakan audit terancang pada tahun berkenaan dan menyediakan laporan yang kerap tentang tahap pematuhan dasar kewangan dalaman dan prosedur pengendalian. Ia juga memberikan saranan untuk memperbaiki sistem kawalan dalaman yang sedia ada. Saranannya telah disampaikan kepada pihak pengurusan operasi dan juga kepada Jawatankuasa Audit Kumpulan.

# group organisational structure

## struktur organisasi kumpulan



CAHYA MATA SARAWAK



047



# executive management committee *jawatankuasa pengurusan eksekutif*

048

Left to right / Kiri ke kanan:

- Haji Mahmud Abu Bekir Taib
- Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman Taib
- David William Berry
- Isaac Lugun
- Jeffri Salim Davidson
- Robert Geneid
- Balaji Rajabather
- Henry Toyad
- Jamel Ibrahim
- Othman Abdul Rani



## DATO SRI SULAIMAN ABDUL RAHMAN TAIB Group Chairman / *Pengerusi Kumpulan*

Dato Sri Sulaiman, age 34, was appointed as Group Chairman of CMSB on 22 May 2002. Prior to this appointment, he held various positions within the Group, including Group Deputy Chairman (from January 2002) and Acting Group Chief Executive Officer (2001). He is also currently Executive Chairman of Rashid Hussain Berhad, and holds various directorships in the Group including Utama Banking Group Berhad, Bank Utama (M) Berhad and Utama Merchant Bank Berhad. Dato Sri Sulaiman holds a Bachelor of Science degree in Business Administration from the University of San Francisco, USA. He was conferred the "Panglima Negara Bintang Sarawak" (PNBS) award by the Sarawak Head of State in September 2002.

Dato Sri Sulaiman, berusia 34 tahun, telah dilantik sebagai Pengerusi Kumpulan CMSB pada 22 Mei 2002. Sebelum perlantikan ini, beliau telah memegang beberapa jawatan di dalam Kumpulan, termasuk Timbalan Pengerusi Kumpulan (dari Januari 2002) dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (2001). Beliau kini juga Pengerusi Eksekutif Rashid Hussain Berhad dan memegang jawatan pengarah di dalam beberapa anak syarikat Kumpulan termasuk Utama Banking Group Berhad, Bank Utama (M) Berhad dan Utama Merchant Bank Berhad. Dato Sri Sulaiman memegang ijazah Sarjana Muda Sains dalam Pentadbiran Perniagaan dari University of San Francisco, Amerika Syarikat. Beliau telah dianugerahkan pingat "Panglima Negara Bintang Sarawak" (PNBS) oleh Tuan Yang Terutama Negeri Sarawak pada September 2002.

## HAJI MAHMUD ABU BEKIR TAIB Group Deputy Chairman / *Timbalan Pengerusi Kumpulan*

Haji Mahmud, age 39, was appointed as Group Deputy Chairman on 22 May 2002. He pursued his tertiary education in USA and Canada, and has extensive experience in the stock-broking and corporate sectors. He was a founding member of Sarawak Securities Sdn Bhd, Sarawak's first stock-broking company which is now merged with K&N Kenanga Berhad. Haji Mahmud plays a pivotal role in overseeing the affairs of the infrastructure arm of the Group. In this role, he sits on the Board of key subsidiary companies in this sector, including on the Board of CMS Cement Sdn Bhd, CMS Steel Berhad, PPES Works (S) Sdn Bhd and Sara Kuari Sdn Bhd.



Haji Mahmud, berusia 39 tahun, telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Kumpulan pada 22 Mei 2002. Beliau telah melanjutkan pelajarannya di Amerika Syarikat dan Kanada, serta mempunyai pengalaman yang luas dalam sektor pembrokeran saham dan korporat. Beliau adalah ahli pengasas Sarawak Securities Sdn Bhd, syarikat pembrokeran saham yang pertama di Sarawak yang kini bergabung dengan K&N Kenanga Berhad. Haji Mahmud memainkan peranan penting dalam menyeliahan segala hal ehwal berkaitan dengan bidang infrastruktur dalam Kumpulan. Dalam melaksanakan tugasnya, beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah dalam syarikat-syarikat subsidiari sektor ini, termasuk sebagai ahli Lembaga CMS Cement Sdn Bhd, CMS Steel Berhad, PPES Works (S) Sdn Bhd dan Sara Kuari Sdn Bhd.

**David William Berry**  
**Group Chief Executive Officer /**  
**Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan**

David, age 55, joined CMSB as Group Chief Executive Officer in January 2002. A financial services and advisory sector veteran of over 30 years, David has extensive international, regional and local corporate experience, including holding senior positions in Standard Chartered Merchant Bank, part of the major international banking group. Prior to joining CMSB, David was Managing Director of Affin Fund Management Sdn Bhd and Chairman of Affin Trust Management Berhad. David is a director of K&N Kenanga Holdings Berhad and several subsidiary companies in the CMSB Group.

David, berusia 55 tahun, menyertai CMSB sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan pada Januari 2002. Beliau adalah tokoh veteran dalam sektor penasihat dan perkhidmatan kewangan dengan pengalaman melebihi 30 tahun. Beliau memiliki pengalaman korporat antarabangsa, serantau dan tempatan yang luas, termasuk memegang jawatan kanan dengan Standard Chartered Merchant Bank, sebahagian daripada kumpulan perbankan antarabangsa yang utama. Sebelum menyertai CMSB, David adalah Pengarah Urusan Affin Fund Management Sdn Bhd dan Pengerusi Affin Trust Management Berhad. David adalah pengarah K&N Kenanga Holdings Berhad dan beberapa anak syarikat di dalam Kumpulan CMSB.



**Jeffri Salim Davidson**  
**Group Chief Financial Officer / Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan**

Jeffri, age 38, joined CMSB in January 1999. He is responsible for the overall Group financial planning, cash management and compliance with accounting procedures. He also advises the Board and Group CEO on the financial impact of operational performance and planned changes to corporate structure. Jeffri acts as the custodian of financial integrity and prudent management of the Group's assets. He is a member of the Institute of Chartered Accountants in England and Wales, and a member of the Malaysian Institute of Accountants. Prior to joining CMSB, he held senior positions at Coopers and Lybrand (London), Sime Darby Berhad and Putrajaya Holdings Sdn Bhd. Jeffri holds a Bachelor of Science (Hons) degree in Geology from University College London.

*Jeffri, berusia 38 tahun, menyertai CMSB pada Januari 1999. Beliau bertanggungjawab terhadap perancangan kewangan Kumpulan keseluruhan, pengurusan tunai dan pematuhan*

*prosedur perakaunan. Beliau juga menasihati Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan tentang kesan kewangan prestasi pengendalian dan perubahan kepada struktur korporat. Jeffri bertindak sebagai penjaga integriti kewangan dan pengurusan berhemat aset Kumpulan. Beliau adalah ahli Institute of Chartered Accountants di England and Wales, dan ahli Institut Akauntan Malaysia. Sebelum berkhidmat dengan CMSB, beliau memegang jawatan kanan dengan Coopers and Lybrand (London), Sime Darby Berhad dan Putrajaya Holdings Sdn Bhd. Jeffri memegang ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Geologi dari University College London.*

**Isaac Lugun**  
**Group General Manager - Corporate Affairs / Group Company Secretary / Pengurus Besar Kumpulan - Hal Ehwal Korporat / Setiausaha Kumpulan**

Isaac, age 44, joined CMSB in January 1996. His main tasks include overseeing legal services, company secretarial matters, corporate communications and central procurement

for the Group. He is also responsible in ensuring that all company policies, procedures and practices comply with laws, regulations and Government policies regarding good corporate governance and business conduct. Previous engagements include being a corporate legal advisor for Petronas and holding senior management positions at Exxon Company International. Isaac holds an L.L.B degree from the University of Malaya.

*Isaac, berusia 44 tahun, menyertai CMSB pada Januari 1996. Tugas utama beliau ialah mengawasi perkhidmatan undang-undang, hal-hal kesetiausahaan syarikat, komunikasi korporat dan pemerolehan pusat bagi Kumpulan CMSB. Beliau juga bertanggungjawab memastikan semua dasar, prosedur dan amalan syarikat mematuhi undang-undang, peraturan dan dasar Kerajaan dari segi urus tadbir korporat dan pengendalian perniagaan. Sebelum ini, beliau bertugas sebagai penasihat undang-undang korporat dengan Petronas dan memegang jawatan pengurusan kanan dengan Exxon Company International. Isaac memegang ijazah L.L.B dari Universiti Malaya.*



**Henry Toyad**

**Group General Manager - Business Development /  
Pengurus Besar Kumpulan - Pembangunan Perniagaan**

Henry, age 46, joined CMSB in March 2000. His main responsibilities include the enhancement of existing CMSB core businesses through creating close relationships with SBUs and the identification of potential commercially viable new ventures. He has previously held senior management positions at Sarawak Shell Berhad and Shell Malaysia Trading, and was assigned to various project operation centers in South Korea, Japan and Scotland, UK. Henry is a member of the Institute of Engineers, Malaysia and the Society of Petroleum Engineers, International. He holds a Bachelor of Engineering (Hons) degree in Civil Engineering from the University of Malaya.

*Henry, berusia 46 tahun, menyertai CMSB pada Mac 2000. Tanggungjawab utama beliau ialah mempertingkatkan perniagaan teras CMSB yang sedia ada dengan mewujudkan hubungan rapat dengan UPS dan mengenal pasti usaha niaga baru yang berpotensi. Sebelum ini, beliau memegang jawatan*

*pengurusan kanan dengan Sarawak Shell Berhad dan Shell Malaysia Trading dan telah ditugaskan ke beberapa pusat operasi projek di Korea Selatan, Jepun dan Scotland, UK. Henry adalah ahli Institut Jurutera, Malaysia dan Persatuan Jurutera Petroleum, Antarabangsa. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dalam Kejuruteraan Awam dari Universiti Malaya.*



**Balaji Rajabather**  
**Group General Manager - Technology /**  
**Pengurus Besar Kumpulan - Teknologi**

Balaji, age 31, joined CMSB in September 2002. He is responsible for implementing IT initiatives, infrastructure and application projects within the Group. He has a wealth of experience in integrating systems, implementation of technology-related projects for project management, consultancy, system requirement study, system design and analysis and quality audit for Common Modular Modification (CMM) Level 5. He was previously employed at CitiBank, Pentasoft (M) Sdn Bhd, Pentafour Communications, SB Associates and Hindustan Motor. Balaji holds a Bachelor of Science and a Master of Business Administration. He is also currently pursuing a PHD in Information Systems from the University of Madras.

*Balaji, berusia 31 tahun, menyertai CMSB pada September 2002. Beliau bertanggungjawab melaksanakan daya usaha*


*IT, projek infrastruktur dan aplikasi di dalam Kumpulan. Beliau berpengalaman luas dalam integrasi sistem, pelaksanaan teknologi bagi pengurusan projek, perundingan, kajian keperluan sistem, reka bentuk dan analisis sistem serta audit kualiti untuk Common Modular Modification (CMM) Tahap 5. Sebelum ini beliau bekerja dengan Citibank, Pentasoft (M) Sdn Bhd, Pentafour Communications, SB Associates dan Hindustan Motor. Balaji memegang ijazah Sarjana Muda Sains dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan. Beliau kini sedang meneruskan pengajian ijazah Kedoktoran dalam Sistem Maklumat dari Universiti Madras.*

**Robert Geneid**  
**Head of Property Development SBU /**  
**Ketua UPS Pembangunan Hartanah**

Robert, age 48, is currently the Managing Director of CMS Properties Sdn Bhd and a director of Projek Bandar Samariang Sdn Bhd. He is responsible for the development

and commercialisation of CMSB's vast landbank, which includes the development of Bandar Samariang New Township. He holds Bachelor degrees in Civil Engineering and Law, both from the University of New South Wales, Australia. Robert has previously worked as an engineer, lawyer and property developer both in Malaysia and Australia.

*Robert, berusia 48 tahun, kini merupakan Pengarah Urusan CMS Properties Sdn Bhd dan pengarah Projek Bandar Samariang Sdn Bhd. Beliau bertanggungjawab terhadap pembangunan harta tanah CMSB, termasuk pembangunan Bandar Baru Samariang. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Awam dan Undang-undang dari University of New South Wales, Australia. Robert sebelum ini bekerja sebagai jurutera, peguam dan pemaju harta tanah di Malaysia dan Australia.*



**Othman Abdul Rani**

**Head of Cement, Steel & Construction Materials SBU /  
Ketua UPS Simen, Keluli & Bahan Binaan**

Othman, age 47, is Executive Director / Chief Executive Officer of CMS Cement Sdn Bhd, having joined the company as a graduate trainee in 1981. He is also Executive Director of CMS Steel Berhad and Setri Sdn Bhd and is a director of several subsidiary companies of the Group. His responsibilities include overseeing the steel, modular housing and construction materials (concrete products, quarrying and premix) businesses. He is also responsible for creating the SBU into an integrated manufacturer and supplier of cement and building materials to maintain a competitive edge under AFTA. He holds a Bachelor of Engineering (Chemical) degree from the University of Malaya.

*Othman, berusia 47 tahun, adalah Pengarah Eksekutif / Ketua Pegawai Eksekutif CMS Cement Sdn Bhd. Beliau menyertai syarikat ini sebagai graduan pelatih pada tahun*

*1981. Beliau juga adalah Pengarah Eksekutif CMS Steel Berhad dan Setri Sdn Bhd serta pengarah beberapa anak syarikat Kumpulan CMSB. Tanggungjawab beliau termasuk mengawasi perniagaan keluli, perumahan bermodul dan bahan binaan (produk konkrit, pengkuarian dan premix). Beliau juga bertanggungjawab menjadikan UPS tersebut sebagai pengilang dan pembekal simen dan bahan binaan bersepadu bagi mengekalkan kelebihan saingannya di bawah AFTA. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kimia) dari Universiti Malaya.*

**Jamel Ibrahim**

**Head of Construction & Road Maintenance SBU /  
Ketua UPS Pembinaan & Penyelenggaran Jalanraya**

Jamel, age 49, joined the Group in June 2001. He is currently Executive Director - Operations of PPES Works (Sarawak) Sdn Bhd and a director of several subsidiary companies in the Group. He is responsible for the Group's construction services and road maintenance activities. A chartered engineer, Jamel

has held various technical and managerial positions in Sarawak Shell Berhad and overseas. He holds a Bachelor of Science (Civil Engineering) degree from the University of London.

Jamel, berusia 49 tahun, menyertai Kumplan pada Jun 2001. Beliau kini adalah Pengarah Eksekutif - Operasi PPES Works (Sarawak) Sdn Bhd dan pengarah beberapa anak syarikat Kumpulan CMSB. Beliau bertanggungjawab terhadap perkhidmatan pembinaan dan kegiatan penyelenggaraan jalanraya Kumpulan. Seorang jurutera berkanun, Jamel telah memegang beberapa jawatan teknikal dan pengurusan dengan Sarawak Shell Berhad dan di luar negara. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan Awam) dari University of London.



Moving ahead in  
*Mara ke hadapan secara sinergi*